




**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 26 OGOS 2023**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	BELUM MUKTAMAD SEKAT ATAU TIDAK, NASIONAL, SH -1 & 4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	'KITA TAK IMPORT IKAN HIDUP DARI JEPUN', NASIONAL, BH -15	
3.	NO DECISION ON RESTRICTING JAPAN SEAFOOD IMPORTS SO FAR, NATION, CHINA PRESS -A2	
4.	'KITA TAK IMPORT IKAN LAUT HIDUP DARI JEPUN', SETEMPAT, HM -11	
5.	AGRICULTURE MINISTER: MALAYSIA HAS NOT BANNED THE IMPORT OF JAPANESE SEAFOOD FOR THE TIME, NATION, KWONG WAH YIT POH -A8	
6.	MAT SABU: NO RESTRICTIONS ON JAPAN SEAFOOD IMPORTS SO FAR, NEWS, GUANG MING DAILY -A6	
7.	TIDAK MUSTAHIL MALAYSIA BOLEH CAPAI TAHAP SARA DIRI, NEGARA, KOSMO -4	
8.	BUKTI KERAJAAN TIDAK PINGGIR PETANI LUAR BANDAR, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -4	
9.	TIDAK ADA KEPUTUSAN NAIKKAN HARGA BERAS, DALAM NEGERI, UM -3	
10.	MAT SABU: TECHNOLOGICAL FARMING TECHNIQUES TO HELP INCREASE YIELDS, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3	
11.	ANWAR MAHU SEKTOR PERTANIAN DIPERKASA, NASIONAL, SH -5	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Belum muktamad sekat atau tidak		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	26 Aug 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	1,4	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	475 cm <sup>2</sup>
Journalist	Tuan Buqhairah Tuan Muhamad Adnan	AdValue	RM 10,070
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,210




# SELAMAT ATAU TIDAK?

- Malaysia masih mengkaji impak terhadap produk laut Jepun susulan Tokyo melepaskan air radioaktif dari loji nuklear Fukushima ke Lautan Pasifik.
- Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, keputusan menyekat kemasukan produk berkenaan akan diputuskan jika hasil kajian mendapati ia berbahaya kepada rakyat Malaysia.



4

Headline	Belum muktamad sekat atau tidak		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	26 Aug 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	1,4	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	475 cm <sup>2</sup>
Journalist	Tuan Buqhairah Tuan Muhamad Adnan	AdValue	RM 10,070
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,210

# Belum muktamad sekat atau tidak

Malaysia masih kaji impak bekuan import terhadap produk laut Jepun

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN SERDANG**

**M**alaysia belum memuktamadkan untuk menyekat produk laut laut Jepun, susulan Tokyo melepaskan air radioaktif dari loji nuklear Fukushima ke laut.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kajian sedang dilakukan bersama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia

(KKM) dan pihak berkaitan alam sekitar berhubung perkara itu.

"Setakat ini, belum putus (sekatan)," katanya menerusi sidang akhbar selepas merasmikan Show-Tech MARDI 2023 di Taman Ekso Agro Malaysia Serdang (MAEPS) pada Jumaat.

Mohamad berkata, keputusan akan dibuat berdasarkan hasil kajian yang sedang dijalankan.

"Banyak badan bukan kerajaan (NGO) yang telah membuat pendirian dan kita akan bersama dengan mereka sekiranya hasil kajian itu menunjukkan bahaya kepada penduduk," katanya.

Untuk rekod, Jepun melepaskan air radioaktif ke Lautan Pasifik bermula Khamis, biarpun rancangan itu mendapat kritikan hebat dan berlaku sekatan import makanan laut oleh China, Korea Utara serta Hong Kong.

China dan Hong Kong telah melakukan sekatan terhadap kawalan import ke atas makanan laut Jepun, susulan kebimbangan terhadap tindakan tersebut.

Sementara itu, Penasihat Khas kepada Menteri Kesihatan, Dr

Kelvin Yi Lee Wuen berkata, tiada ikan laut hidup dari Jepun yang diimport ke Malaysia.

Kelvin menerusi satu kenyataan berkata, perkara itu telah dimaklumkan oleh Jabatan Perikatan Malaysia (DOF).

Jelasnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), KPKM dan pihak berkuasa tempatan seperti Jabatan



MOHAMAD

Perkhidmatan Pemeriksaan Kuarantin Malaysia (Maqis) serta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sentiasa memantau tahap keselamatan makanan termasuk pemeriksaan pensijilan kesihatan dan radiasi selepas diimport.

Kelvin berkata lagi, kerajaan tidak akan sesekali berkompromi terhadap isu keselamatan makanan.

"Makanan import berisiko tinggi dari Jepun tertakluk kepada pemeriksaan Tahap 4 (pemantauan) bagi menyaring unsur radioaktif," katanya.

Ujarnya Kelvin, tindakan itu dilakukan KKM menerusi Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan jika berlakunya risiko.

"Ia termasuk memantau import makanan Jepun dari Mei 2011 hingga April 2012, susulan gempa bumi yang menjejaskan loji berkenaan.

"Sampel dikumpulkan dan dianalisis untuk memastikan semuanya berada dalam had kawal selia di bawah Peraturan 37 Peraturan Makanan 1985, dengan panduan daripada Piawaian Umum untuk Bahan Pencemar dan Toksin dalam Makanan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO)," katanya.



**KONTROVERSI AIR RADIOAKTIF JEPUN**

Headline	'Kita tak import ikan hidup dari Jepun'		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Aug 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	15	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	359 cm <sup>2</sup>
Journalist	Zanariah Abd Mutalib	AdValue	RM 11,887
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,661



# 'Kita tak import ikan hidup dari Jepun'

**Malaysia komited pantau produk laut pastikan keselamatan terus terjamin**

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Suzalina Halid  
bhnews@bharian.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia tidak mengimport ikan laut hidup dari Jepun, manakala bagi produk ikan bukan hidup lain dari negara itu tahap keselamatan makanan berkenaan sentiasa dipantau pihak berkuasa.

Perkara itu dimaklumkan Penasihat Khas kepada Menteri Kesihatan, Dr Kelvin Yii Lee Wuen, susulan kebimbangan dibangkitkan pelbagai pihak berhubung tindakan Jepun melepaskan air radioaktif dirawat dari loji nuklear Fukushima ke Lautan Pasifik bermula kelmarin.

Beliau berkata, pihaknya memahami kebimbangan dibangkitkan orang ramai berhubung perkara itu, namun Kementerian Kesihatan (KKM) komited sentiasa memantau pintu masuk negara serta pasaran tempatan bagi memastikan keselamatan makanan sentiasa terjamin.

"Jabatan Perikanan mengesahkan tiada import ikan laut hidup dari Jepun buat masa ini.

"Bagi produk perikanan bukan hidup lain, KKM bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta pihak berkuasa lain seperti Jabatan

Perkhidmatan Pemeriksaan Kuarantin Malaysia (MAQIS) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sentiasa memantau tahap isu keselamatan makanan termasuk pemeriksaan pensijilan kesihatan dan radiasi selepas import," katanya melalui kenyataan, semalam.

Kelmarin, Jepun mula melepaskan air radioaktif yang dirawat dari loji nuklear Fukushima ke Lautan Pasifik, walaupun rancangan itu mendapat kritikan hebat dan sekatan import makanan laut oleh China, Korea Utara serta Hong Kong.

## Pemeriksaan Tahap 4

Mengulas lanjut, Dr Kelvin yang juga Ahli Parlimen Bandar Kuching berkata, isu keselamatan makanan tidak akan sesekali dikompromi dan melalui KKM, import makanan 'berisiko tinggi' dari Jepun akan tertakluk kepada pemeriksaan Tahap 4 (pemantauan) bagi menyanggah unsur radioaktif ketika negara itu mula melepaskan air dari loji nuklear berkenaan.

"Ia dilakukan melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan KKM jika berlakunya risiko, termasuk memantau import makanan Jepun dari Mei 2011 hingga April 2012, susulan gempa bumi yang membawa kepada kemusnahan tiga kali ganda kepada loji berkenaan.

"Sampel dikumpulkan dan dianalisis untuk memastikan semuanya berada dalam had kawal selia di bawah Peraturan 37 Peraturan Makanan 1985, dengan panduan daripada Piawai Umum untuk Bahan Pencemar dan Toksin dalam Makanan Perubuhan Makanan dan Pertanian

(FAO)," katanya.

## Belum putuskan sekatan import

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata kerajaan belum memutuskan untuk melaksanakannya sebarang sekatan membabitkan import makanan laut dari Jepun susulan tindakan negara itu melepaskan air radioaktif yang dirawat dari loji nuklear Fukushima ke Lautan Pasifik.

Sebaliknya, beliau berkata, keputusan mengenainya hanya akan dibuat selepas keputusan kajian yang dilaksanakan dilaksanakan bersama KKM dan kementerianannya, pihak berkaitan alam sekitar diperolehi.

"Walaupun Jepun menyatakan (air) sudah dineutralisasikan, namun kita bersama dengan pihak berkaitan alam sekitar lain akan membuat kajian.

"Ia dibuat sebelum pendirian dan keputusan diambil bersama dengan negara lain berikutan soal sisa nuklear ini boleh merebak ke seluruh dunia.

"Sekarang ini banyak juga badan bukan kerajaan (NGO) buat kajian dan kita akan bersama dengan mereka jika kajian itu nampak bahaya kepada penduduk dunia," katanya ditemui selepas merasmikan Pameran Teknologi dan Inovasi Pertanian (Showtech Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI 2023), di Taman Ekspo Agro Malaysia Serdang (MAEPS), di sini, semalam.

**Jepun keluarkan keputusan ujian pelepasan air Fukushima esok - Dunia 27**



Headline	No decision on restricting Japan seafood imports so far		
MediaTitle	China Press		
Date	26 Aug 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A2	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	105 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,071
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,213



(沙登25日讯) 随著日本启动福岛核污水正式排海后，大马尚未就限制日本水产进口作出任何决定。

农业与食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布说，卫生部与环境专家正研究此事，在发表任何立场之前，需先研究上述风险。

“还没有决定（限制进口）。如果显示会危害世界各地的人民，我们就会发表立场。”

## 是否限制日本水產進口 大馬未做決定

他今日为大马农业研究与发展局（MARDI）的科技发展主持推介礼后，受记者询问时这么说。

根据报道，中国与香港先后宣布，暂停进口原产地来自日本的所有水产品。

另外，莫哈末沙布说，政府的焦点是粮食供应的保障，特别是米粮，因为印度和越南已预告大米会涨价，更令人担心的是停止出口。

他说，防患未然是必要的，以便透过研发和新科

技维持供应，毕竟我国每年从国外进口约35%的白米才能应付国内需求。

此外，他说，至于目前也是100%从印度和泰国进口的红葱，预料将随著MARDI大规模栽种3个品种后而在2025年减少对进口的依赖。

他说，栽种红葱的实验性计划将在霹靂州开跑，明年则会扩大至其他州属。

Headline	'Kita tak import ikan laut hidup dari Jepun'		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Aug 2023	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	11	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	199 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,809
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,427



## 'Kita tak import ikan laut hidup dari Jepun'

**Kuala Lumpur:** Malaysia tidak mengimport ikan laut hidup dari Jepun manakala tahap keselamatan produk makanan ikan bukan hidup dari negara itu sentiasa dipantau.

Ia susulan tindakan Jepun melepaskan air radioaktif dirawat dari loji nuklear Fukushima ke Lautan Pasifik, bermula kelmarin.

Penasihat Khas kepada Menteri Kesihatan, Dr Kelvin Yii Lee Wuen berkata, pihaknya memahami kebimbangan dibangkitkan orang ramai berhubung perkara itu dan Kementerian Kesihatan (KKM) komited sentiasa memantau pintu masuk negara serta pasaran tempatan bagi memastikan keselamatan makanan sentiasa terjamin.

"Jabatan Perikanan mengesahkan, tiada import ikan laut hidup dari Jepun buat masa ini.

"Bagi produk perikanan bukan hidup lain, KKM dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) serta pihak berkuasa lain seperti Jabatan Perkhidmatan Pemeriksaan Kuarantin Malaysia (MAQIS) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sentiasa memantau tahap isu keselamatan makanan termasuk pemeriksaan pensijilan kesihatan dan radiasi selepas import," katanya, semalam.

Kelmarin, Jepun melepaskan air radioaktif yang dirawat dari loji nuklear Fukushima ke Lautan Pasifik, walaupun rancangan itu mendapat kritikan he-

Jepun melepaskan air radioaktif dirawat dari loji nuklear Fukushima ke Lautan Pasifik bermula kelmarin menimbulkan kekusaran antarabangsa terhadap keselamatan hidupan laut

bat dan sekatan import makanan laut oleh China, Korea Utara serta Hong Kong.

Bagaimanapun, Jepun kekal dengan pendirian menyifatkan tindakan melepaskan air itu adalah selamat, selain Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), badan pemerhati nuklear Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Julai lalu turut menyatakan ia mematuhi piawaian antarabangsa, selain menjelaskan kesannya terhadap manusia dan alam sekitar adalah 'sedikit'.

Mengulas lanjut, Dr Kelvin yang juga Ahli Parlimen Bandar Kuching berkata, import makanan 'berisiko tinggi' dari Jepun tertakluk kepada pemeriksaan Tahap 4 (pemantauan) bagi menyaring unsur radioaktif, ketika negara itu mula melepaskan air dari loji nuklear berkenaan.

"Ia dilakukan KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan jika berlaku risiko, termasuk memantau import makanan Jepun dari Mei 2011 hingga April 2012, susulan gempa bumi yang membawa kepada kemusnahan tiga kali ganda kepada loji berkenaan," katanya.

Headline	Agriculture minister: Malaysia has not banned the import of Japanese seafood for the time		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	26 Aug 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A8	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	89 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 998
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,994



末沙布 (右) 参观农业研发局技术展摊, 左为研发局总监莫哈末扎巴威。

## 农长:风险评估中 我国暂未禁日海产进口

(布城 25 日讯) 农业及粮食安全部部长拿督斯里莫哈末沙布说, 我国尚未决定是否要禁止日本海产进口。

他说, 卫生部及环境部专家正在评估风险, 若研究显示对人民有害就会做出决定。

莫哈末沙布今天在沙登马来西亚农业研究及发展局 (MARDI) 主办的技术展后针对日本决定将核污水排放入海后, 包括中国及香港等国家及

地区决定禁止进口日本海产的决定时, 如是表示。

另外, 莫哈末沙布表示, 政府的重点在于粮食保障, 尤其是白米, 因为印度和越南等国家已经警告会调高价格甚至停止出口。

他认为, 要做好前期准备, 通过新技术、新研究、后续工作, 确保白米供应充足, 目前我国依赖白米进口为 35%。#



Headline	Mat Sabu: No restrictions on Japan seafood imports so far		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	26 Aug 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A6	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	525 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,955
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,864



# 末沙布：先研究風險 未禁日本海產進口

(沙登25日讯) 农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布表示，关于日本核废水排海导致海洋污染的课题，由于卫生部、环境专家及相关机构正在对进口自日本海产和食品进行研究，农业部目前尚未禁止日本的海产及食品进口大马。



■莫哈末沙布说，稻米出口国印度和越南已发布预警，两国不久后将削减出口白米甚至是停止，大马作为印度、越南白米的进口国，届时恐将受影响。

他为2023年大马农业研究与发展局 (MARDI) 农业革新与工业展 (Show-tech MARDI) 主持开幕后于记者会上提及，该部的决定将取决于他们的研究成果及风险评估。

## 农业部配合其他部门研究

针对农业部是否会迅速限制或禁止日本的海产进口大马时，他坦言，该部尚未有这方面的决定。

“根据日本当局声称，排海的核废水，是经处理及中和 (Neutralised) 的废水。虽然如此，政府依然会研究和评估来自日本的海产及相关食品，然后将采取与其他机构一致的立场。”

莫哈末沙布声称，该部正配合其他政府部门的研

究。

他说，日本方面将核废水排入大海，则将随著海水扩散至世界各地。目前也有许多非政府组织，就日本核废水排海行动进行评估和表达立场。

他重申，若当局如卫生部、环境研究机构的研究成果，显示日本的海产危及世界各国人民的健康，该部会采取与他们相同的立场。

询及诚信党派柔佛州前议长苏海占上阵埔莱国席补选，苏海占在当地是否具有与原任国会议员已故拿督斯里沙拉胡丁阿育相同的受欢迎度时，也是诚信党主席的莫哈末沙布则回应说：“上苍保佑 (insya-Allah)，我们将可成功守土。” (TKM)

## 印越擬削減或停止出口 大馬須準備白米自給自足

莫哈末沙布指出，稻米出口国印度和越南已发布预警，说明为了该国人民优先利益，两国不久后将削减出口白米甚至是停止，而大马作为印度、越南白米的进口国，届时将受影响。

他声称，大马不得不作好米粮自给自足准备，包括在收割稻米采用新技术、种子采纳新品种等方面进行革新，并在MARDI协调下确保有充足的米粮供应。

他也举例说，在适耕庄稻田，采用新耕种及现代化技术后，100天后成功提升产量至10或12吨，此革新技术已推介给玻璃市和吉打稻农，结果成功将产量提高至11.4吨，意即只要愿意改变心态，我国稻米生产可自给自足。

## 35%米粮靠进口

他表示，有不少的国家如中国、古巴和伊朗往往在受到国际各种的制裁行动后，在积极地学

习外国专业技术后才逐步自强，如中国正晋升成为世界超强经济体；因此，大马农业若欲成功，且取得自给自足，就须作出改变。

他补充，目前有35%的国内米粮靠进口来满足需求。

另一方面，莫哈末沙布声称，该部在MARDI协助下，预计于2025年开始在国内开始商业化种植大葱。

MARDI已成功研发出BAW-1、BAW-2、BAW-3三大新品种的大葱，霹靂州将充作大事耕种这些大葱的枢纽。(TKM)



Headline	Tidak mustahil Malaysia boleh capai tahap sara diri		
MediaTitle	Kosmo		
Date	26 Aug 2023	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	4	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	288 cm <sup>2</sup>
Journalist	NUR FATIN ZAHRA	AdValue	RM 7,503
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,508



# Tidak mustahil Malaysia boleh capai tahap sara diri

Oleh **NUR FATIN ZAHRA**

**SERDANG** - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan menggerakkan lebih banyak inovasi teknologi di Malaysia, terutamanya dalam bidang pertanian untuk memastikan negara dapat mencapai tahap sara diri (SSL).

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kekurangan bekalan beras dapat ditangani sekiranya semua pihak komited dalam meningkatkan keterjaminan makanan.

"Beras merupakan makanan asasi kita. Sekiranya berlaku kekurangan bahan makanan lain seperti ubi kentang, cili dan sebagainya, kita masih mampu untuk tangani.

"Tetapi, lain pula dengan beras. Buat masa ini, negara kita masih lagi mengimport 35 peratus beras dari luar negara. Bagaimanapun, ada beberapa negara yang bakal menghentikan import beras kerana ingin menjaga keterjaminan makanan negara sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian pada program Show-Tech MARDI 2023, di Taman Ekspo Pertanian

Malaysia (MAEPS) di sini semalam.

Katanya, bagi memastikan sekuriti makanan terjamin, lebih banyak inovasi teknologi perlu diketengahkan, di samping usaha mengurangkan ketergantungan import.

"Kita mesti guna teknologi baharu untuk majukan lagi pertanian. Tiga hari lepas, sebanyak 11.4 tan padi telah berjaya dituai di Kedah dan Perlis hasil daripada inovasi teknologi.

"Selain itu, kita juga mempunyai mesin baharu yang dapat mengurangkan kehilangan padi sehingga dua peratus selepas tuaian. Sebenarnya, kita boleh mencapai tahap sara diri sekiranya membangunkan teknologi berkaitan pertanian dan agromakanan," katanya.

Tambah Mohamad Sabu, negara dengan hasil kerjasama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) giat menjalankan penyelidikan penanaman bawang, kobis bunga, kobis tanah rendah, jagung bijan dan jagung manis.

"Selama ini, kita mengeksport bawang dari luar negara," katanya.



**MOHAMAD (kiri)** meninjau tanaman bawang hasil inovasi MARDI pada program Show-Tech MARDI 2023, di MAEPS Serdang, semalam.

- FAIZ ALIF ZUBIR



Headline	Bukti kerajaan tidak pinggir petani luar bandar		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	26 Aug 2023	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	4	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	340 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,806
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,419



## Bukti kerajaan tidak pinggir petani luar bandar

### Winnie Kasmir

TELUPID: Penubuhan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Telupid membuktikan kerajaan tidak pernah meminggirkan petani di luar bandar untuk terus bergiat aktif meningkatkan sumbangan berkesan bagi sektor agromakanan negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin berkata, penubuhan PPK Telupid juga merupakan lambang perpaduan dan semangat kerjasama masyarakat petani.

Melalui penubuhan ini, ia akan memudahkan lagi Kementerian menyalurkan segala dana, bantuan dan insentif kepada kumpulan sasar dengan lebih berkesan dan teratur agar kemakmuran dapat dikecapi bersama rakyat di kawasan Timur Laut Sabah.

"Saya amat yakin Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, termasuk institusi Pertubuhan Peladang, akan terus memastikan matlamat Dasar Agro Makanan Negara (DAN 2.0) dapat dicapai.

"DAN 2.0 yang meletakkan strategi pemodenan dan pertanian pintar sebagai pencetus perubahan penting bagi menjayakan kelestarian sektor agromakanan akan dipacu melalui dana pembiayaan, insentif pelaburan dan tenaga kerja bagi meningkatkan tahap penggunaan teknologi Revolusi Perindustrian Keempat.

"Dalam hal berkaitan, bidang penyelidikan, pembangunan, pengkomersilan dan inovasi akan menjadi nadi pembangunan sektor ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian PPK Telupid yang merupakan PPK ke-295 di negara ini, yang diadakan di Institut Perhutanan Telupid pada Khamis.

Chan menambah, usaha kementerian adalah untuk memastikan tahap keterjaminan makanan negara terus terjamin namun usaha bersama diperlukan dari-



CHAN memalu gong sebagai simbolik perasmian penubuhan PPK Telupid.

pada pelbagai pihak seperti kementerian lain, jabatan, agensi, kerajaan negeri, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan rakyat secara keseluruhannya melalui pendekatan seluruh kerajaan dan seluruh masyarakat.

Justeru, katanya, galakan dan bantuan sokongan berterusan sama ada dalam bentuk kewangan, infrastruktur mahupun latihan kepada masyarakat petani, penterak dan nelayan, khususnya belia yang menceburi bidang pertanian, adalah penting.

"Bidang keusahawanan agro jelas terbukti mampu mengubah sektor dan industri ini kepada pertanian moden berasaskan teknologi tinggi, sekali gus mampu melipatgandakan tahap pengeluaran makanan tempatan.

"Ini kerana makanan merupakan keperluan asas untuk semua manusia. Tanpa makanan, kestabilan dan kemajuan negara sukar diperoleh. Ia merupakan

keperluan asas yang perlu diberi perhatian demi menjamin pembangunan ekonomi dan sosial supaya negara kita kekal progresif dan berdaya saing," katanya.

Sementara itu, Chan mencadangkan PPK Telupid terlibat secara aktif dalam pengeluaran agromakanan negeri, sekali gus mewujudkan pusat pengumpulan hasil agromakanan dan pasar mingguan.

Untuk rekod, PPK Telupid didaftarkan secara rasmi dan diluluskan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) pada 14 April lalu.

Pada peringkat awal ini, PPK Telupid mempunyai 395 ahli dan mengendalikan sembilan unit ladang dengan modal saham yang digunakan kini berjumlah RM100,000.

LPP turut menyediakan geran peruntukan hampir RM400,000 untuk PPK Telupid membina kemudahan asas termasuk ruang pejabat untuk beroperasi.

Headline	Tidak ada keputusan naikkan harga beras		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	26 Aug 2023	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	3	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	203 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,494
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,481



## Tidak ada keputusan naikkan harga beras

**PAPAR:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) belum membuat keputusan menaikkan harga beras susulan khabar angin beberapa negara mungkin menghentikan atau mengurangkan eksport beras.

Pemangku menterinya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, setakat ini belum ada keputusan untuk meningkatkan harga beras.

Menurut beliau, apabila negara terlalu bergantung bekalan sumber makanan luar maka, isu bekalan dan kenaikan harga barangan bergantung kepada dasar negara pengeluar serta

geopolitik dunia seperti konflik Ukraine dan Russia yang turut mempengaruhi bekalan makanan di pasaran.

"Itu sebabnya, kita teliti secara dekat pada setiap masa isu-isu berkaitan dengan sumber bekalan luar dan mencari pendekatan terbaik untuk memastikan kestabilan harga di pasaran," katanya ketika mengulas mengenai kemungkinan harga beras akan naik jika negara-negara pembekal beras menghentikan eksport mereka.

Sebelum ini, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad

Sabu berkata, India, Vietnam dan negara-negara pembekal beras memberi isyarat untuk menghentikan atau mengurangkan eksport beras.

Armizan berkata, pesawah perlu meningkat hasil padi apabila kerajaan telah menaikkan harganya daripada RM360 satu tan metrik kepada RM500 satu tan metrik.

Selain itu, kata beliau, isu bekalan gula juga perlu diberi perhatian kerana ketika ini Malaysia mengimport gula mentah 100 peratus dari Brazil.

"Kerajaan sedang mengenal pasti beberapa lokasi di semenanjung bagi melakukan kajian

bagi mengembalikan semula penanaman tebu.

"Saya juga menyarankan kerajaan negeri Sabah, sekiranya ada kawasan bersesuaian kenapa tidak, Sabah juga lihat keperluan menanam tebu dengan kerjasama syarikat berkaitan kerajaan (GLC)," katanya.

Armizan, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas) itu berkata, beliau percaya kerajaan Sabah di bawah pimpinan Datuk Seri Hajiji Noor lebih tahu tanaman yang bersesuaian untuk ditanam di negeri ini.



Headline	Mat Sabu: Technological farming techniques to help increase yields		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	26 Aug 2023	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	460 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,786
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,358



## 末沙布：减少依赖进口 科技农耕技术助增产

(沙登 25 日讯) 农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布说，政府希望通过科技和自动化的农耕方式，增加农产量，特别是稻米，以达到农产品进口和出口平衡，不再依赖农产品进口，减少外汇的流失。

“依赖进口的坏处是他国可以随时禁止出口农产品。我多次提到稻米，比较其他食品，例如玉米、地瓜、辣椒等，稻米作为主食，进口量达 35%，邻国已经提早警告，可能会提高价格。”

莫哈末沙布今早为大马农业发展研究所 (MARDI) 2023 年农业科技创新展主持开幕后，在记者会说：“我们最担忧的是他们停止出口。”

“我们必须做好准备，一定要做到自给自足，原用新的种子、肥料、科技、分享知识等，以提高至自给自足的水平，甚至可以做到出口。”

## 粮食安全亚太第 7

莫哈末沙布指出，根据全球粮食安全指数统计，大马保障粮食安全的能力在全球排名第 39 位，在亚太地区排名第 7 位。

他稍早时致词时说：“因此，制定了‘2021-2025 年国家粮食安全政策行动计划’，其中包括 5 个战略核心、15 项战略和 96 项举措，以加强粮食安全，考虑从农业投入到粮食的粮食供

应链上的问题和挑战。”

他说，事实上，国家农业食品政策 2.0 的制定是政府为保障粮食安全而作出的努力，支持我国农业食品部门的愿望和方向，使其更加可持续、更有弹性和高科技。

末沙布呼吁各方应承诺并合作，改善粮食安全，努力减少对进口的依赖。

“为提高国内生产能力，

## 研究涉及风险 未禁日本水产进口

尽管日本启动福岛核废水排海后，中国和香港先后宣布暂停进口日本的所有水产品，但大马暂未跟进。

农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布说，大马尚未就限制日本水产进口一事，作出任何决定。

他说，卫生部与环境专家正研究此事，在发表任何立场之前，需先研究上述风险。

“还没有决定（限制进口）。如果显示会危害世界各地的人民，我们就会发表立场。”

他今日为大马农业发展研究所 (MARDI) 2023 年农业科技创新展主持开幕后，受记者询问时这么说。

据报道，中国与香港先后宣布，暂停进口原产地来自日本的所有水产品。



莫哈末沙布参观农业科技展所展出的红葱。右为扎瓦威，后为阿兹曼。

农业部将继续更加重视机械化和自动化技术的运用，发展现代农业模式、精准农业、农业机器人、物联网应用等，符合为国家农业赋能的方向。”

他说，新技术在农产品领域的运用能够准确、快速地观察、分析和决策。它能够很好地执行任务，从而节省劳动力和投入成本。



Headline	Anwar mahu sektor pertanian diperkasa		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	26 Aug 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	5	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	374 cm <sup>2</sup>
Journalist	NOR AZURA MD AMIN JOHOR BAHRU	AdValue	RM 7,929
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,786



# Anwar mahu sektor pertanian diperkasa

Usaha jangka sederhana kerajaan ke arah mengurangkan import makanan

Oleh **NOR AZURA MD AMIN**  
**JOHOR BAHRU**

**K**erajaan kini dalam usaha mengurangkan kebergantungan import makanan dan memperkasakan sektor pertanian negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, langkah yang akan diterajui Jabatan Pertanian itu merupakan usaha jangka sederhana seterusnya dilaksanakan dengan menyeluruh.

Beliau berkata, Malaysia masih mengimport produk makanan termasuk benih tumbuhan dengan nilai amat besar dan menelan kos hampir RM70 bilion, setahun.

“Jangka sederhana bererti penanaman. Malaysia ini mempunyai hujan, air, kesuburan tanah, namun kita import produk makanan (dalam jumlah) amat besar.

“Kerajaan India juga dilaporkan akan menaikkan cukai eksport bawang merah dan bawang putih sehingga 40 peratus. Ia bukan di bawah kawalan kita.

“Ia belum dilaksanakan (cukai eksport bawang) tetapi kita jangka apabila dilaksanakan, harga dua (bahan) keperluan ini (akan) naik,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika



Anwar menghadiri majlis Kenduri Rakyat di Dataran Taman Dahlia pada Jumaat.

berucap sewaktu Kenduri Rakyat dan penyampaian Bantuan Bakul Rahmah di Dataran Taman Dahlia di sini, pada Jumaat.

Hadir sama, Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi dan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh.

Sementara itu di **SERDANG, SELANGOR**, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, projek rintis tanaman bawang akan diperluas ke seluruh negara mulai 2025, ke arah usaha keterjaminan makanan negara.

“Setakat ini, kita bergantung 100

peratus bekalan bawang daripada luar negara jadi pada tahun 2025 bawang akan ditanam secara komersial di ladang-ladang yang akan dikenal pasti,” katanya.

Beliau juga mengakui tidak meletakkan sasaran terhadap kebergantungan bekalan bawang import.

“Jika kita tanam banyak, dapat kurang (import) banyakkah,” katanya.

Sementara itu, **MARDI** juga katanya, telah berjaya menghasilkan tiga varieti bawang merah iaitu BAW-1, BAW-2, BAW-3 yang mana Perak dipilih sebagai hub penanaman bagi tanah rendah di negara ini.